

Francais ^{BH -} ^{6/8/2006} rangsang ekonomi

KUALA LUMPUR: Walaupun banyak perkara mengenai Amerika tidak disukai bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, tetapi satu perkara dari negara itu yang menarik perhatian beliau ialah falsafah perniagaan francaisnya.

Oleh kerana tertarik dengan konsep perniagaan itu yang ternyata mampu merangsang kemajuan ekonomi serta mewujudkan peluang perniagaan dan kekayaan, Dr Mahathir memperkenalkan sistem perniagaan secara francais di Malaysia pada awal 1990-an.

Antara projek francais yang mula-mula dilaksanakan di negara ini ialah Satay Ria, tetapi malangnya mengalami kegagalan.

"Kami memulakan restoran Satay (Ria), kami ada sebuah dapur utama, tiga jenis kuah, tapi kami gagal. Kami gagal menjadikan satay satu perniagaan secara francais," katanya dalam ucap terna di Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2006 di sini semalam.

Dalam nada agak kecewa, Dr Mahathir berkata, beliau mengemukakan idea itu kepada Dewan Perniagaan Melayu dan menggesanya supaya menjalankan perniagaan satay secara francais.

"Mereka (dewan perniagaan) rasa satay biasa tidak menarik dan mahu saiznya sebesar stik serta menggunakan dua batang lidi bagi setiap batang satay.

"Tapi, entah kenapa, ia gagal, ia tidak popular kerana sebab tertentu. Mungkin satay yang disediakan terlalu besar untuk dimasukkan ke mulut..." katanya secara berjenaka. — Bernama